# CARA PENGIRAAN WANG CAGARAN YANG TELAH DITETAPKAN DI DALAM PROSEDUR BARU SYARIKAT UTILITI KEPADA JKR (PINDAAN 2018)



*BAHAGIAN PEWARTAAN DAN PEMBANGUNAN TEPI JALAN,*
*CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN*




# PENDAHULUAN

# *PENDAHULUAN*

- Prosedur Baru Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2017.

  (surat KPKR)

- Pindaan terbaru prosedur yang telah dikemaskini (Pindaan 2018) adalah **pada**



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**
Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya
Tingkat 29-33, Menara Kerja Raya (Blok G)
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2618 9000
Faks : (03) 2618 8452
Laman Web : https://www.jkr.gov.my/

Ruj. Kami : ( 9 )dlm.JKR. CSFJ.600-13/14 Jld.12
Tarikh : 16 Disember 2016

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**EDARAN PROSEDUR PERMOHONAN SYARIKAT UTILITI KEPADA JKR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Taklimat Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR bertarikh 28 Oktober 2016 berkaitan.

2. Untuk makluman, **Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR** bagi kerja korekan dalam rizab jalan telah dilancarkan oleh Ybhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya pada 28 Oktober 2016 semasa Taklimat Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR.

3. Oleh yang demikian, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah menggunapakai prosedur ini bagi kerja korekan dalam rizab Jalan Persekutuan **berkuatkuasa pada 1 Januari 2017**.

4. Prosedur ini boleh dimuat turun daripada Web JKR di Bahagian Dokumentasi-Manual ***(https://www.jkr.gov.my/my/page/senarai-manual)***.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' IR. DR. HASNUL BIN MOHAMAD SALLEH)**
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 KUALA LUMPUR.

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001

CERTIFIED TO ISO 140011:2004
CERT. NO.: ER 0281

CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SR 0892

CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS
**Jabatan Kerja Raya Malaysia**
**Public Works Department Malaysia**
Tingkat 33, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2618 8421
Faks : (03) 2618 8799
Laman Web : https://www.jkr.gov.my/

Ruj. Kami : (45)dlm.JKR.CSFJ.600-13/14/1 Jld.12
Tarikh : 9 Mac 2017

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg.Dato'/Tuan/Puan,

**KAEDAH PEMBAYARAN WANG CAGARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan minit mesyuarat kunjungan hormat oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) ke Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya bertarikh 27 Februari 2017 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, merujuk kepada perkara 1.2.3, Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti Kepada JKR menyatakan bahawa:-

> **"Pemohon dikehendaki membayar Wang Cagaran dalam bentuk bank deraf atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri mengikut jumlah yang ditetapkan (rujuk Jadual 1)."**

3. Namun begitu, sekiranya Syarikat Utiliti perlu membayar Wang Cagaran yang melebihi RM500,000.00, pihak YBhg.Dato/Tuan/Puan boleh mempertimbangkan kaedah pembayaran melalui Bank Deraf sebanyak **30%** daripada Wang Cagaran tersebut manakala sebanyak **70%** lagi dalam bentuk Jaminan Bank (*Bank Guarantee*) tanpa pengurangan jumlah kiraan asal kadar Wang Cagaran yang perlu disediakan oleh pemohon/syarikat utiliti.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)**

KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Public Works Department Malaysia
Tingkat 33, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2618 8421
Faks : (03) 2618 8799
Laman Web : https://www.jkr.gov.my/

Ruj. Kami : ( )dlm.JKR.CSFJ.600-13/14/1 Jld. 12
Tarikh : 30 Mac 2017

**YBHG. DATUK IR. BAHARIN BIN DIN**
Naib Presiden (Pembahagian)
Tenaga Nasional Berhad
Aras 19, Wisma TNB,
No. 19 Jalan Timur,
46200 Petaling Jaya,
**SELANGOR.**

YBhg. Datuk,

**PERSETUJUAN BERSAMA HASIL BENGKEL TNB & JKR MENGENAI PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENGALIHAN & PEMASANGAN SEMULA UTILITI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM & PROJEK KERAJAAN BILANGAN 1 TAHUN 2016 (GP RMK 11) DAN PERMOHONAN KAJIAN SEMULA PROSEDUR PERMOHONAN SYARIKAT UTILITI KEPADA JKR (2016)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat YBhg. Datuk no. ruj. TNB(B) / KJLO / UPPA 10/9/1 yang bertarikh 14 Mac 2017.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, kerja pemasangan utiliti dengan menggunakan kaedah korekan terbuka adalah dibenarkan di bahu jalan tidak berturap. Manakala korekan terbuka di bahu jalan berturap dan permukaan jalan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

3. Pihak JKR memahami akan kesulitan YBhg. Datuk dalam penyediaan wang cagaran tersebut. Oleh itu, bagi mengurangkan impak yang besar kepada aliran tunai TNB, pihak JKR bersetuju untuk penggunaan 30% bank deraf dan 70% gerenti bank (*bank guarantee*) bagi pembayaran kadar wang cagaran yang dikenakan.

4. Diharap maklumbalas ini dapat menjelaskan isu yang dibangkitkan di atas.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah, Salam hormat,

(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

# *Sambungan……..*

- Ianya bertujuan menyeragamkan prosedur permohonan syarikat utiliti kepada semua JKR Negeri dan JKR Daerah.



- Ianya juga bertujuan menyeragamkan kadar wang cagaran untuk kerja-kerja berkaitan utiliti.








# ISU

# *ISU*

- Setelah prosedur baru ini dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2017, timbul isu berkaitan dengan kadar wang cagaran yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh JKR Negeri dan JKR Daerah.
- Isu wang cagaran tersebut yang dibangkitkan oleh syarikat utiliti adalah bagi kes-kes berikut:-
  - *Horizontal Directional Drilling (HDD)*
  - *Potong Bahu Jalan (Tidak Berturap)*

# *ISU*

- Kadar wang cagaran yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut:-

| BIL | JENIS KERJA | UNIT | KADAR DITETAPKAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Horizontal Directional Drilling (HDD) | Per Meter | RM6,500.00 |
| | | Lorong (7 Meter) | RM45,500.00 |
| 2 | Tunnelling | Per Meter | RM6,500.00 |
| | | Lorong (7 Meter) | RM45,500.00 |
| 3 | Thrustboring / Pipe Jacking / Jack & Drill | Per Meter | RM6,500.00 |
| | | Lorong (7 Meter) | RM45,500.00 |
| 4 | Potong Bahu Jalan ( Tidak Berturap ) | Per Meter | RM400.00 |
| | | Minima (Pukal) | RM5,000.00 |
| 5 | Potong Permukaan Jalan Berturap / Micro-trenching* | Per Meter | RM8,000.00 |
| | | Minima (Pukal) | RM10,000.00 |
| 6 | Trial Pit | Bilangan | RM5,000.00 |
| 7 | Excavation Pit | Bilangan | RM25,000.00 |
| 8 | Pemasangan Tiang | Bilangan | RM1,000.00 |
| 9 | Pembersihan Tapak | Pukal | RM5,000.00 |
| 10 | As-Built Drawing | Pukal Per Lokasi | RM10,000.00 |
| 11 | Traffic Management Plan ( TMP ) | Pukal Per Hari | RM600.00 |
| 12 | Third Party Remedial Work | - | ACTUAL COST + 5% CHARGES |




# CADANGAN PENYELESAIAN

# *CADANGAN PENYELESAIAN*

- Cawangan Senggara Fasilti Jalan, Ibu Pejabat JKR telah mengkaji rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat utiliti; dan cadangan pengurangan bagi kadar wang cagaran untuk HDD dan Potong Bahu Jalan (Tidak Berturap) adalah seperti berikut:-



# KAEDAH PENGIRAAN KADAR WANG CAGARAN DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT UTILITI

*Lampiran A (i)*

## Kes 1. HDD Merintangi Jalan




<u>Cara Pengiraan Kadar  Wang Cagaran</u>

Jumlah Wang Cagaran = (RM 6,500/meter x Lebar Jalan)+(Bilangan Excavation Pit x RM25,000/Pit)

= (RM6,500/meter x 7 meter) + (2 Excavation Pit x RM25,000/Pit)

= RM 95,500

# KAEDAH PENGIRAAN KADAR WANG CAGARAN DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT UTILITI

*Lampiran A (ii)*

## Kes 2. HDD Sepanjang Jalan (Bahu Jalan Berturap)




<u>Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran</u>

Jumlah Wang Cagaran = Bilangan Excavation Pit x RM25,000/Pit

Sekiranya terdapat 2 Excavation Pit

Jumlah Wang Cagaran = 2 Excavation Pit x RM25,000/Pit
= RM50,000

# KAEDAH PENGIRAAN KADAR WANG CAGARAN DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT UTILITI

*Lampiran A (iii)*

## Kes 3. HDD Sepanjang Jalan (Bahu Jalan Tidak Berturap)




<u>Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran</u>

Jumlah Wang Cagaran = Bilangan Excavation Pit x RM25,000/Pit

Sekiranya terdapat 2 Excavation Pit

Jumlah Wang Cagaran = 2 Excavation Pit x RM25,000/Pit
= RM50,000

# KAEDAH PENGIRAAN KADAR WANG CAGARAN DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT UTILITI

*Lampiran A (iv)*

## Kes 4. Pengorekan Terbuka (Bahu Jalan Tidak Berturap)




<u>Cara Pengiraan Kadar Wang Cagaran</u>

Jumlah Wang Cagaran = Panjang Pengorekan Terbuka (m) x [ 50% x RM800/meter]

= Panjang Pengorekan Terbuka (m) x (RM400/meter)

# *KAEDAH PENGIRAAN KADAR WANG CAGARAN DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT UTILITI*

## *Kes 5. Pengorekan Terbuka (Bahu Jalan Tidak Berturap)*




**<u>Nota:</u>**

**1. Pengiraan Wang Cagaran bagi kaedah *excavation pit* dikecualikan dan hanya mengambil kira pengiraan panjang *open cut* di bahu jalan tidak berturap**

**<u>Pengiraan:</u>**

**WC = RM400/meter x (panjang korekan)**

# PERTIMBANGAN DAN CADANGAN OLEH PENGARAH CSFJ




**Nota:**

**1. Pengiraan Wang Cagaran dikecualikan bagi pemasangan di lokasi yang ditandakan dengan syarat jarak minimum adalah 8 meter ke atas dari *edge line*.**

# PERTIMBANGAN DAN CADANGAN OLEH PENGARAH CSFJ




**Nota:**

**1. Pengiraan Wang Cagaran dikecualikan bagi pemasangan di lokasi yang ditandakan kerana berada di luar Rizab Jalan (RJ).**




# SEKIAN
# TERIMA KASIH